



- 1. TUKANG PELAN KANAN
JABATAN-JABATAN KERAJAAN
C.2 EB.3 (\$1,450 - \$2,270 SEBULAN)
KEKOSONGAN = 1**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. a) BDTVEC/BTEC Diploma Tertinggi Kebangsaan (HNC) atau sebanding dalam bidang *Draughtman* / Arkitek / Pembinaan atau bidang bersesuaian.

Mempunyai kelulusan yang lebih tinggi dalam bidang tersebut adalah kelebihan.

ATAU

- b) Telah berkhidmat dalam Perkhidmatan Kerajaan dalam jawatan bersesuaian dalam tanggagaji C.1 tidak kurang dari 3 tahun atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D4/D.3 tidak kurang dari 5 tahun atau sebagai Tukang Pelan atau jawatan bersesuaian dalam tanggagaji D.1 tidak kurang dari 7 tahun.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB TUKANG PELAN KANAN:

SECARA AM

1. Menyediakan / menyemak reka bentuk bangunan / *architecture* atau lain-lain jenis pelan / reka bentuk lukisan.
2. Membuat pengawasan terhadap projek-projek di bawah Bahagian / Jabatan.
3. Membuat lawatan ke tapak-tapak pembinaan / projek.
4. Lain-lain tugas yang diarahkan oleh Pegawai Atasan.



DI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN:

1. Memeriksa / menilai / membuat laporan kerja-kerja pemeriksaan tanah/ bangunan/ kerja tanah.
2. Memeriksa / menilai / membuat laporan kerja-kerja pemeriksaan ke atas kesiapan rumah / bangunan / kerja tanah.
3. Memeriksa / menilai / membuat laporan kerja-kerja pemeriksaan tapak bagi aduan-aduan kemajuan pembinaan dan kerja tanah.
4. Menyediakan jadual bagi pemeriksaan bersama (*Joint Inspection*) dan menyelaraskan laporan pemeriksaan untuk tindakan pegawai atasan.
5. Melaksanakan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai-pegawai atasan dari semasa ke semasa.